





Indeks Perdagangan Luar Negeri Jun 2025

NILAI




Segala perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

EKSPORT




Segala perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

TERMA PERDAGANGAN



Segala perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.


IMPORT



Segala perubahan berdasarkan perbandingan bulan ke bulan.

Sumber : Indeks Perdagangan Luar Negeri, Jun 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PERATUS PERUBAHAN BULAN KE BULAN BAGI INDEKS NILAI SEUNIT EKSPORT DAN IMPORT



Indeks Nilai Seunit Eksport mencatatkan pertumbuhan dengan kenaikan 2.1 peratus pada Jun 2025, disumbangkan terutamanya oleh Makanan, Pelbagai Barang Keluaran Kilang dan Alat Jentera & Kelengkapan Pengangkutan.

- **Indeks nilai seunit eksport** naik 2.1 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kenaikan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%), makanan (+0.3%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.2%). Namun begitu, **indeks volum eksport** menyusut 5.9 peratus selaras dengan penurunan indeks barang-barang keluaran kilang (-19.3%), bahan kimia (-10.3%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-5.4%). **Indeks volum eksport pelarasan bermusim** juga turut susut 12.0 peratus daripada 166.1 mata kepada 146.1 mata. Merujuk kepada **perbandingan tahunan**, kedua-dua indeks nilai seunit dan indeks volum eksport jatuh 0.005 peratus dan 3.5 peratus.
- **Indeks nilai seunit import** menurun 0.4 peratus pada Jun 2025, disumbangkan oleh penyusutan indeks minyak galian (-1.1%), bahan kimia (-0.5%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.2%). Tambahan pula, **indeks volum import** juga turut jatuh 9.8 peratus pada Jun 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh penurunan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-16.4%), makanan (-13.1%) dan barang-barang keluaran kilang (-8.8%). **Indeks volum import pelarasan bermusim** menyusut 10.8 peratus daripada 232.8 mata kepada 207.8 mata. **Perbandingan tahun ke tahun** menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 4.7 peratus manakala indeks volum menaik 11.8 peratus.
- **Terma perdagangan** Malaysia melonjak 2.5 peratus bulan ke bulan kepada 121.5 mata pada Jun 2025, didorong oleh kenaikan indeks pelbagai barang keluaran kilang (+0.8%), alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.4%) dan makanan (+0.3%). Tambahan pula, **terma perdagangan** Malaysia tahun ke tahun turut bertambah 4.5 peratus daripada 116.3 mata pada Jun tahun lalu.

